Shahir Sunar: cikgu nak maklumat akmal... nak masukkan dlm tesis cikgu..



13/09/2015 10:01

Norakmal Omar: nma n uni je ke?



13/09/2015 10:01

Shahir Sunar: nama penuh, course, nama uni..



13/09/2015 10:01

Norakmal Omar: boleh je insyaAllah



13/09/2015 10:01

Shahir Sunar: tahun berapa..



13/09/2015 10:02

Norakmal Omar: Muhamad Norakmal B Omar, Bachelour of Chemical & Material Engineering(Hons) , The University of Auckland, 3rd year



13/09/2015 10:03

Shahir Sunar: ok... tq so much akmal..



13/09/2015 10:03

Norakmal Omar: most welcome



13/09/2015 10:03

Shahir Sunar: cikgu doakan kejaayaan akmal.. *kejayaan..



13/09/2015 10:03

Norakmal Omar: terima kasih ckgu - smile emoticon-



13/09/2015 10:03

Shahir Sunar: salam..



13/09/2015 10:04

Norakmal Omar: wasalam

2)

Nama Pelajar :	Muhammad Syahmeer How Bin Mohd Firdaus How
Universiti:	Massey University, New Zealand
Umur:	22 Tahun
Kursus:	Kejuruteraan Kimia dan Petroleum
Tahun:	Tahun 4

Conversation started 14 September 2015



14/09/2015 09:25

Shahir Sunar: salam syahmeer



14/09/2015 09:26

Syahmeer How: Wassalam ckgu Shahir! Apa khabar ckgu?



14/09/2015 09:27

Shahir Sunar: sihat... syahmeer? mcm mana study? ok ke..?



14/09/2015 09:27

Syahmeer How: Alhamdulillah sihat jugak.. lg sikit 5 minggu je nak habis study..
haha



14/09/2015 09:28

Shahir Sunar: alhamdulillah..



14/09/2015 09:28

Syahmeer How: Ok je study hehehe kenapa ckgu? ckgu nak dtg sini ke? Haha



14/09/2015 09:28

Shahir Sunar: syahmeer study kat new zealand kan? apa nama uni tu..?



14/09/2015 09:29

Syahmeer How: haah saya kat new zealand.. Massey University..



14/09/2015 09:29

Shahir Sunar: oic... cikgu nak tanya sikit dan ada kaitan dgn research cikgu ni..hehehe



14/09/2015 09:30

Syahmeer How: oooo... research ckgu pasal ape? Hahaha



14/09/2015 09:30

Shahir Sunar: kat Massey University ada guna Problem based Learning tak..? or PBL?



14/09/2015 09:31

Syahmeer How: dia mcm real life punya learning ke? mcm bagi situation kat luar dan selesaikan?



14/09/2015 09:32

Shahir Sunar: yup! thats right!



14/09/2015 09:32

Syahmeer How: mmg banyak la kat sini haha.. sini banyak problem based learning- so agak struggle la masa mula2 datang sbb dah terbiasa ngan cara Malaysia baca buku, hafal pastu jawab exam.. tapi time exam dulu selalu tersilap or tertukar konsep

coz kami hafal semata2, tanpa tahu bila n mcm mana nak guna untuk solve prob dalam situasi sebenar



14/09/2015 09:34

Shahir Sunar: ok.. syahmeer.. cikgu akan rekodkan perbualan kita ni dan akan masukkan dlm tesis phd cikgu actually.. - smile emoticon –



14/09/2015 09:34

Syahmeer How: hahaha ok ckgu no problem -smile emoticon-



14/09/2015 09:35

Shahir Sunar: so teruskan syahmeer.. apa pandangan syahmeer.. perlukah PBL diperkenal sejak di kolej lagi? or masa preparatory?



14/09/2015 09:36

Syahmeer How:

saya rasa mmg perlu sbb mmg nampak perbezaan yang ketara antara students kita ngan student local kat sini dari segi keupayaan nak berfikir drpd luar kotak haha contohnya students kita nak buat lab mula2 mmg terkial2 tak tahu nak pasang ni mcm mana, nak guna apparatus apa, selalu lab kena guna full 3jam nak buat, tapi local student kat sini, bila buat something diorang mcm dah tahu nak buat apa sbb mmg dah diexpose dari kecil contohnya budak2 tadika kat sini dah bagi guna penukul (hammer) dan gergaji so hands on experience diorang mmg bagus la, and diorang boleh imagine problem and bagi solutions kepada problem tu from various angles..



14/09/2015 09:41

Shahir Sunar: ok...



14/09/2015 09:42

Syahmeer How:

bila saya mula2 kat sini mmg struggle betul sbb uni saya ni baru perkenalkan project based learning tiap2 semester..then over time lepas dah biasa dengan subjek tu, dan lepas dah bergaul ngan kawan2 kat sini, rasa mcm bila fikir tu sekarang boleh fikir di luar kotak la haha



14/09/2015 09:42

Shahir Sunar: teruskn syahmeer..



14/09/2015 09:43

Syahmeer How: tu jela setakat ni yang saya rasa haha



14/09/2015 09:44

Shahir Sunar: oic..



14/09/2015 09:44

Syahmeer How:

saya rasa utk student engineering kat malaysia maybe kena bagi banyak sikit yg assignment based.. suruh tulis 3 report dalam seminggu ke haha



14/09/2015 09:44

Shahir Sunar: kalo perkenal lebih awal mungkin student kita tak kekok..? betul ke..?



14/09/2015 09:44

Syahmeer How: haah betul tu.. kena dr high school lagi sbnrnya tu haha



14/09/2015 09:45

Shahir Sunar: ok.. syahmeer.. apa softskill yang boleh dpt from PBL..?



14/09/2015 09:47

Syahmeer How:

softskill saya rasa dari segi cara nak tulis assignment tu.. lagi banyak kita tulis, lagi bagus

lepas tu mungkin cara bercakap lebih confident? selalu dlm problem based ni kena bagi pendapat, so mungkin dapat galakkan pelajar bercakap? Lagi satu, cooperation within group members, cara kita lead group if kita as group leader..



14/09/2015 09:50

Shahir Sunar ok.. cikgu rasa setakat tu je info yg cikgu perlukan...tq so much syameer..

bole cikgu dptkn nama penuh, nama universiti, tahun akademik.. syahmeer?



14/09/2015 09:50

Syahmeer How: alright no problem ckgu, kalau ada soalan nnti tanya lg k MUHAMMAD SYAHMEER HOW BIN MOHD FIRDAUS HOW, MASSEY UNIVERSITY, NEW ZEALAND TAHUN 2013-2015



14/09/2015 09:51

Shahir Sunar: skg tahun keempat kan..?



14/09/2015 09:52

Syahmeer How: yup tahun keempat haha



14/09/2015 10:01

Shahir Sunar: oh.. syahmeer course ape..?



14/09/2015 10:22

Syahmeer How: saya chemical engineering



14/09/2015 10:22

Shahir Sunar: tq so much syahmeer...
semoga syahmeer terus berjaya, amin...



14/09/2015 10:30

Syahmeer How: **amin..** tq cikgu atas didikan cikgu, semoga cikgu juga terus berjaya. After this i can call Dr Shahir! Hahaha cikgu kim salam semua cikgu2 di Kolej MARA K. Nerang yeh! Salam..



14/09/2015 10:32

Shahir Sunar: **Insyallah..nanti kita chat lg ye, Wasalam.**

3)

Nama Pelajar :	Fauzi Bin Aslan
Universiti:	The University of Western Australia
Umur:	23 Tahun
Kursus:	- Mechanical Engineering (Hons.) - <i>Graduate Trainee</i> di UMW Toyota Sdn Bhd
Tahun:	Telah tamat pengajian pada 6 Mac 2015

16 September 2015



16/09/2015 10:39

Shahir Sunar: salam Fauzi.. apa khabar..?



16/09/2015 10:44

Fauzi Aslan: Wasalam Cikgu. Sya sihat jer, Cikgu or Sir haha



16/09/2015 11:05

Shahir Sunar: Mana2 pun ok..hehe Fauzi now kat uni mana?



16/09/2015 11:05

Fauzi Aslan: sya UWA, dekat Perth.. tapi dah abis bulan 3 aritu. so skang kat Msia, baru dpat offer training dgn Toyota di Shah Alam



16/09/2015 11:06

Shahir Sunar: Oic..Cikgu sdg buat research tentang problem based learning or pbl.. Wow! Tahniah2!



16/09/2015 11:07

Fauzi Aslan: terima kasih



16/09/2015 11:07

Shahir Sunar: Masa fauzi di uwa, ada tak lecturer apply pbl dlm mana2 subject?



16/09/2015 11:08

Fauzi Aslan: Ada cikgu.. PBL sgt familiar kat sana..utk research phd cikgu ke?



16/09/2015 11:08

Shahir Sunar: Yup..huhu So cikgu nk interview fauzi skg bole? Nk masuk dlm tesis cikgu..



16/09/2015 11:12

Fauzi Aslan: boleh, no problemo



16/09/2015 11:13

Shahir Sunar: 1. Setuju tak pbl ni kita start di peringkat kolej lagi? Berikan alasan atau sebabnya..



16/09/2015 11:17

Fauzi Aslan:

Setuju sebab pengenalan PBL di peringkat kolej sedikit sebanyak membantu pelajar mempratikkan teori dalam permasalahan realiti. Secara langsung, membolehkan pelajar bersedia untuk menghadapi tugas atau projek di peringkat universiti.



16/09/2015 11:19

Shahir Sunar: 2. semasa di uwa, terdapat perbezaan tak antara pelajar local dgn pelajar kita semasa menyiapkkn project?



16/09/2015 11:25

Fauzi Aslan:

Perbezaan yang amat ketara antara pelajar tempatan dan pelajar Malaysia. Pelajar tempatan lebih expressive dan confident berbanding pelajar Malaysia. Mereka lebih terlatih dalam memberi pendapat dari pelbagai aspek dan mereka terbuka untuk membincangkan perbezaan pendapat dari segi merit dan demerit.

*Saya jawab formal ok ke Cikgu?? haha.



16/09/2015 11:28

Shahir Sunar: Good fauzi.. better formal as cikgu will printscreen nanti..huhu



16/09/2015 11:29

Fauzi Aslan: Ok Cikgu



16/09/2015 11:31

Shahir Sunar: 3. Apa softskills atau kemahiran yg bole dpt from pbl?



16/09/2015 11:38

Fauzi Aslan:

Softskills yang paling utama ialah interpersonal skill memandangkan pbl cenderung kepada projek berkumpulan. Selain itu, softskills lain seperti analytical thinking, problem-solving dan time management skills juga dapat dipelajari.



16/09/2015 11:40

Shahir Sunar: Bole tak fauzi bg details fauzi. Cikgu nak rekodkn dlm kajian cikgu.
Nama penuh, nama university
Course
Skg practical or keje di mana
Umur
Dah grad kan?



16/09/2015 11:42

Fauzi Aslan:

Tamat course bulan 3, grad mggu depan tpi xpegi sebab training..
Name: Fauzi Aslan Institute: The University of Western Australia Education:
Bachelor's Degree Course: Mechanical Engineering (completed on 6 March 2015)
Age: 23 Career: Graduate Trainee at UMW Toyota Sdn Bhd



16/09/2015 11:49

Shahir Sunar: Tq so much fauzi..



16/09/2015 11:50

Fauzi Aslan: You're welcome. <grin emoticon>

4)

Nama Pelajar :	Siti Murni Binti Yusob
Universiti:	The University of Tasmania, Australia
Umur:	21 Tahun
Kursus:	Electrical Engineering with Honours (Major in Electrical Power)
Tahun:	Tahun Tiga

Conversation started 19 September 2015



19/09/2015 10:11

Shahir Sunar: salam siti murni...



19/09/2015 10:11

Siti Nur Murni Yusob: wasalam wrt cikgu! ☺
cikgu sihat? cikgu ingat lg kat sy..? ingatkan cikgu dah lupe ☺



19/09/2015 10:11

Shahir Sunar: apa kabo..?-smile emoticon-
study mana skg..?



19/09/2015 10:12

Siti Nur Murni Yusob: sihat alhamdulillah hehe ☺ sy study dekat tasmania, UTAS
heee



19/09/2015 10:12

Shahir Sunar: oic... dah tahun berapa?



19/09/2015 10:13

Siti Nur Murni Yusob: hehe dah third year dah cikgu alhamdulillah
kenapa cikgu? Hehe



19/09/2015 10:13

Shahir Sunar: alhamdulillah... cikgu nak tanya...



19/09/2015 10:13

Siti Nur Murni Yusob: kmkn mcm mana



19/09/2015 10:13

Shahir Sunar: kat sana ada apply PBL or problem based learning tak..?



19/09/2015 10:15

Siti Nur Murni Yusob: Maksud cikgu apply dalam pembelajaran, assignment dgn exam ke?



19/09/2015 10:15

Shahir Sunar: mcm dia bagi problem yg ada kaitan dengan real life atau kehidupan kita...
then kita kena apply teori yg kita belajar dlm kelas utk selesaikn masalah tu..



19/09/2015 10:16

Siti Nur Murni Yusob:
ouh. ada je cikgu, tapi tak semua kelas. ada certain kelas yang ada. tapi dekat sini banyak projek. dan projek tu semuanya kena ambil theory dan apply dalam real life. so sy rasa lebih kurang je concept dia



19/09/2015 10:19

Shahir Sunar: ya.. sama2 conceptnya... siti setuju tak PBL ni mula di apply masa kat kolej lagi..?



19/09/2015 10:23

Siti Nur Murni Yusob:
sy setuju cikgu. Sebabnya dekat sini org local diorg sgt senang catch up everything, and kadang2 kitorg rasa macam susah nak get in pace dgn kelajuan diorg. Tapi diorg laju sebabnya sejak diorg high school, memang diorg dah diapplykan dgn PBL dalam sistem pembelajaran. Diorang tend utk fikir out of box in every subject. So lecturer pon dah terbiasa bagi soalan mcm PBL, sebab it's kind of easy for the students. But of course not for other asian student la hehe



19/09/2015 10:23

Siti Nur Murni Yusob: ☺



19/09/2015 10:24

Shahir Sunar: oic... siti boleh bagi maklumat siti, cikgu nak masukkan dlm tesis cikgu...
nama, university, age, course, tahun..



19/09/2015 10:25

Siti Nur Murni Yusob: jadinya sangat bagus rasanya masukkan supaya kita takdela left behind sgt bila dah dekat uni nanti ☺



19/09/2015 10:25

Shahir Sunar: oic



19/09/2015 10:26

Siti Nur Murni Yusob: Nama: Siti Nur Murni Yusob University: University of Tasmania Age: 21 y/o Course: Electrical Engineering with Honours (majoring in Electrical Power) Tahun: Third year Degree ☺



19/09/2015 10:33

Shahir Sunar: tq so much siti..
cikgu doakan siti terus berjaya, amin...



19/09/2015 10:34

Siti Nur Murni Yusob

Such an honour to help you cikgu ☺
Ameen, doakan sy dapat grad tahun depan ☺
Moga tesis PhD cikgu dipermudahkan..



19/09/2015 10:35

Shahir Sunar: amin...

5)

Nama Pelajar :	Nur Syahirah Binti Muzakir
Universiti :	University of Sheffield, UK (2009-2013)
Umur:	25 Tahun
Kursus:	Mechanical Engineering (Hons.)
Tahun:	Telah bergraduasi pada tahun 2013
Syarikat Bekerja Sekarang:	Dyson Manufacturing Sdn. Bhd.

Conversation started 23 September 2015



23/09/2015 09:28

Shahir Sunar : salam syahirah.. apa kabo..?



23/09/2015 09:28

Nur Syahirah Muzakir: wslm cikgu, khabar baik alhamdulillah.. cikgu sihat?



23/09/2015 09:29

Shahir Sunar: lama tak sembang ngan syahirah.. kat mana skg?



23/09/2015 09:29

Nur Syahirah Muzakir: haha sekarang dekat Selangor, balik kampung



23/09/2015 09:29

Shahir Sunar: oic.. keje mana..?



23/09/2015 09:30

Nur Syahirah Muzakir: keje dekat senai.. cikgu still dekat kmkn?



23/09/2015 09:30

Shahir Sunar: yeke.. still kat kmkn..
syahirah grad tahun lepas kan..?



23/09/2015 09:31

Nur Syahirah Muzakir: eh x.. dua tahun lepas



23/09/2015 09:31

Shahir Sunar: oh.. cepatnya masa berlalu...hehehe
syahirah... cikgu nak tanya...
ada kaitan dgn research cikgu ni..



23/09/2015 09:32

Nur Syahirah Muzakir: okay, nak tnya ape eh?



23/09/2015 09:33

Shahir Sunar: masa kat sheffield uni, ada tak guna pendekatan PBL or Problem based learning..?



23/09/2015 09:34

Nur Syahirah Muzakir: PBL nih cmne eh cikgu? dlm silibus tuh ade bg contoh problem ke cmne?



23/09/2015 09:35

Shahir Sunar: yup... masalah dia mcm ada kaitan dengan real dalam life kita...



23/09/2015 09:36

Nur Syahirah Muzakir: ade gak.. contoh macam group project



23/09/2015 09:36

Shahir Sunar: yup.. thats right...



23/09/2015 09:36

Nur Syahirah Muzakir: mmg dye guna PBL.. selalunye PBL nih dye bg waktu buat assignment



23/09/2015 09:37

Shahir Sunar: problem dia memerlukan kita gunakan atau apply teori yang kita belajar dlm kelas...



23/09/2015 09:37

Nur Syahirah Muzakir: yup



23/09/2015 09:38

Shahir Sunar: so syahirah, cikgu nak interview syahirah utk masukkan dlm tesis phd cikgu.. bole..?



23/09/2015 09:39

Nur Syahirah Muzakir: interview cmne eh? nk kena jumpa ke cmne? boleh je insyaAllah..
tapi kalau bukan hari nih boleh?



23/09/2015 09:40

Shahir Sunar: tak perlu...kat sini jer..hehehe



23/09/2015 09:40

Nur Syahirah Muzakir: hehe.. oooo.. blh2 insyaAllah
cuma klu lmbt sikit jawab cikgu ok je kan?



23/09/2015 09:44

Shahir Sunar: ok je.. mcm ni.. rasa2.. wajarkah PBL diperkenalkan sejak kat kolej lagi..?



23/09/2015 10:15

Nur Syahirah Muzakir: wajar.. sangat wajar!
sebab benda ni bg persediaan n pengalaman kat student before diorg start kerja plus practical pentng untuk support theory, student lg sng faham n ingat



23/09/2015 10:17

Shahir Sunar: ok.. syahirah skg keje kat mana?



23/09/2015 10:17

Nur Syahirah Muzakir: kat dyson



23/09/2015 10:17

Shahir Sunar: dyson tu syarikat apa yer..?



23/09/2015 10:18

Nur Syahirah Muzakir: dyson tuh syarikat barang elektrik, cikgu..



23/09/2015 10:18

Shahir Sunar: oic..



23/09/2015 10:18

Nur Syahirah Muzakir: dye design barang dye sendiri



23/09/2015 10:18

Shahir Sunar: masa kat Sheffield byk tak subjek yg apply PBL..?



23/09/2015 10:19

Nur Syahirah Muzakir: bnyk gak tapi xsemua la



23/09/2015 10:19

Shahir Sunar: oic... penting tak PBL bila dah keje ni..?



23/09/2015 10:20

Nur Syahirah Muzakir:

haha penting somehow
mcm business

kat UK kitorg assignment mcm more to theory

tapi dgr budak msia buat more to practical

diorg kena plan jual barang yg berkaitan dgn engineering

so tuh dah kire benefit untuk diorg

sbb bile masuk kerja dye dah terdedah dah dgn cara untuk ensure pat yg diorg nak

jual tuh murah n reliable

*part



23/09/2015 10:23

Shahir Sunar: ye betul2...hmmm bagus kan kalo PBL tu kita relate dengan problem
kat workplace... so dah mcm industrial oriented..



23/09/2015 10:24

Nur Syahirah Muzakir: yup.. sbb tuh masa kat UK setiap sem ade project
so project yg 3rd year n 4th year tuh dye akan bg problem yg real life situation untuk
kita solve



23/09/2015 10:28

Shahir Sunar:

oic...

syahirah bole bg detail tak kat cikgu...

cikgu nak masukkn dlm tesis cikgu...

nama penuh, university dulu...

age..

course dulu..

skg keje mana..



23/09/2015 10:30

Nur Syahirah Muzakir:

Nur Syahirah Binti Muzakir

University of Sheffield, UK

25 tahun

Mechanical Engineering

kerja Dyson Manufacturing Sdn Bhd

ooo lagi satu saye rasa practical untuk belajar teknik machining cmtuh sgt penting

kalau xreti buat benda tuh susah nak buat waktu kerja

n practical belajar machine2 mcm cmm, cnc, dan sebagainya



23/09/2015 10:34

Shahir Sunar: tq so much syahirah...

cikgu doakan syahirah terus berjaya...



23/09/2015 10:34

Nur Syahirah Muzakir: u r welcome cikgu

semoga dipermudahkan Allah



23/09/2015 10:35

Nur Syahirah Muzakir: nanti kirim salam saye kat cikgu2 kat sane eh



23/09/2015 10:36

Shahir Sunar: bye syahirah...

salam...



23/09/2015 10:42

Nur Syahirah Muzakir: wslm

Lampiran I Transkrip Temubual Kumpulan Fokus 1

Tarikh /Hari : 10 Disember 2015 / Khamis.
Masa : 9.00 pagi – 10.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Teratai, Kolej MARA Kuala Nerang.

A - Penemubual B - Pelajar 1 C - Pelajar 2 D – Pelajar 3 E – Pelajar 4
F – Pelajar 5 G – Pelajar 6 H – Pelajar 7 I – Pelajar 8

A: Assalamualaikum, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas kesudian para pelajar sekalian untuk menghadiri sesi temubual ini. Temubual ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas atau pandangan anda berkenaan pembelajaran melalui *Facebook* secara kaedah *Problem Based Learning* dan slot perundingan *online* yang lepas. Tentu pelajar ingat lagi kan semua proses tu...?

- Ingat.... (*semua pelajar jawab secara serentak*)

A: Untuk sesi temubual ini, kamu bebas untuk memberi pandangan tanpa perlu menunggu giliran. Saya akan berikan soalan, kamu bebas untuk memberi pandangan kamu sama ada positif, negatif, selari atau pun bertentangan antara satu sama lain.

A: Baiklah, soalan saya yang pertama, apakah kelebihan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBL) dan slot perundingan melalui *Facebook* dalam membantu pencapaian subjek kimia anda? Mungkin kita mulakan dengan kelebihan *PBL* via *Facebook* dulu.

C: Pada pendapat saya, kalau dari segi kelebihan ia mudah untuk *sharing*. So, sebagai contoh sebarang artikel kita boleh *share* dengan mudah, info juga boleh *spread* dengan mudah. Lebih-lebih lagi mudah untuk *share* video berkenaan sesuatu info, *so with that* kita mudah untuk bincang dan *solve problem PBL* yang diberikan. Perbincangan kami secara kumpulan mudah dilakukan dan lebih efisien, tak perlu nak *set time, date and place*.

G: Saya rasa, *PBL* via *Facebook* ini telah mengajar kita supaya belajar secara lebih mendalam dan bukan hanya sekadar *surface* sahaja. Kadang-kadang saya tengok ramai orang, ilmunya hanya daripada buku yang bersaizkan A4, tidak lebih daripada itu. Saya nak *share experience* saya last year, masa spm. Masa tu kertas eksperimen Biologi SPM, ada rakan bertanya pada saya nak masukkan apa, nak guna apa yer? Saya jawab, bukankah ini eksperimen..? Jadi kita perlu merangka sendiri langkah-langkahnya mengikut kreativiti kita. Tapi rakan saya tu tak boleh terima pendapat saya, dia bertanya lagi.. yang dalam buku kata apa? Dia suruh buat macam mana..? Nampak tak di situ? Dia terlalu bergantung harap pada buku. Dia tak boleh keluar mencari ilmu lain. Sepatutnya eksperimen, dia perlu berani mencuba dan memikirkan secara lebih kritikal dan kreatif.

A: Maksud kamu dia terlalu '*content oriented*'?

G: Ya, terlalu berpandukan buku. Tapi *PBL* ini saya rasa macam...

D: seperti cataylst

G: Ya..ia menggalakkan untuk kita belajar sampai bila-bila.. belajar sampai tua..

E: Bagi saya, soalan-soalan peperiksaan kita sekarang berasaskan *High Order Thinking* (HOT) kan, so dengan pengenalan *PBL* ini dapat melatih pelajar dalam menganalisis masalah dan berfikir secara kreatif dalam menyelesaikan masalah. Secara tak langsung dapat melatih dan membantu pelajar dalam menghadapi soalan-soalan *exam* yang bersifat HOT.

G: Pada pandangan saya pula, *PBL* ini bukan sahaja melatih pelajar dalam menganalisa soalan, tetapi turut melatih pelajar dalam menganalisa maklumat yang diperoleh dalam menyelesaikan masalah itu sendiri. So macam kita semua tahu, rakan-rakan kita akan *share* maklumat yang begitu banyak dalam proses nak selesaikan masalah. Jadi kita perlu analisis dengan teliti sebelum boleh kita masukkan maklumat tu dalam FILA-MMS.

I: Saya dapati pembelajaran *PBL* melalui *Facebook* berjaya menarik minat pelajar dengan ciri-ciri interaktif yang sangat memudahkan kami untuk belajar. Kami boleh berbincang untuk menyiapkan tugas *PBL* tu bila-bila sahaja dan di mana sekali pun.

A: Pada pandangan anda, sesuaikah *Facebook* digunakan untuk tujuan *PBL* dan slot perundingan?

H: Saya rasa sangat sesuai sebab kami adalah generasi yang sangat dekat dengan IT dan teknologi, jadi menggunakan media sosial *Facebook* ini merupakan langkah yang bertepatan dengan generasi kami.

A: Bagaimana pula dengan *privacy* anda semua? Anda rasa macam mana?

C: Saya rasa tak jadi masalah, pertama *FB* sendiri menyediakan *password* kita masing-masing dan kedua kita berbincang dalam kumpulan yang tertutup tanpa boleh dibaca atau diikuti oleh ahli kumpulan yang lain.

A: Sekiranya kita gunakan *FB* betul-betul untuk pembelajaran, bolehkah ia membantu pencapaian anda dalam akademik?

E: Saya rasa ia dapat membantu sekiranya soalan yang diberikan adalah menjurus kepada membina pengetahuan dalam sesuatu topik. Tapi bagi saya, *PBL* melalui *Facebook* ini bukan sekadar untuk peperiksaan, tapi dapat membantu saya menambahkan pengetahuan dalam sesuatu perkara yang sebelum ini mungkin saya buat tak endah jer. Sebagai contoh, kumpulan saya dapat soalan berkaitan *catalyst* dalam *petroleum industrial*, so dari situ banyak saya pelajari dan peroleh berkenaan *catalyst* dalam pemprosesan petroleum, ya.. banyak saya pelajari.. Bila saya dapat info baharu daripada rakan-rakan, ia seperti menggalakkan lagi saya untuk terus mencari dan mencari serta mendalami sesuatu.

B: I think *PBL* ini sangat sesuai, *it teaches us how to think out of the box*.. ada rakan saya yang belajar di luar negara bagi tau bahawa *PBL* ini adalah sebahagian daripada proses pembelajaran mereka. Jadi memang bagus ia diajar di peringkat ini, supaya *at least* kami tak kekok bila belajar *engineering* di luar negara nanti.

I: Bagi saya, ia memudahkan saya untuk mengingat sesuatu perkara yang dipelajari kerana ia melibatkan *practical* bukan sekadar teori.

D: Pada pendapat saya, *PBL* melalui *Facebook* sangat memudahkan kerana segala maklumat yang kita *share* boleh dilihat atau dibaca oleh kawan-kawan pada masa-masa yang mereka *free*. So, kita tak perlu nak buat *meeting* untuk tunjukkan segala bahan atau maklumat yang kita ada. Yela kan, kita semua kan sibuk dengan *study*,

assignment, kuiz dan lain-lain. Jadi susah nak berkumpul pada satu-satu masa tertentu.

G: Bagi saya, ia sangat interaktif. Mudah nak cari maklumat melalui internet.

A: Bagaimana pula dengan slot perundingan kimia melalui *Facebook*? Pada pendapat kamu apa kelebihanannya?

C: Saya dapati ia sangat menarik. Sebab kadang-kadang bila kita ada masalah atau soalan, nak tanya pada cikgu katakan sebelah petang atau malam, cikgu dah takde. Jadi kami boleh terus bertanya menggunakan *Facebook*. Baguslah..tambahan pula dengan *features* yang ada, lagi memudahkan kami.

E: Pada pendapat saya, slot perundingan kimia guna Facebook sangat bagus kerana ia mesra alam atau *paperless*. Kadang-kadang tu sambil kita berehat, minum kopi.. kita akan buka *Facebook*. Jadi kita akan belajar juga dalam masa yang sama. Kita lihat sekarang, sambil menunggu bas pun boleh *browsing*.. mencari maklumat atau bahan untuk *assignment* atau *task* yang cikgu bagi. Kini dengan adanya *Facebook* ni, kita boleh *discuss* di mana-mana sahaja.

D: Pada pendapat saya, dengan menggunakan *Facebook* untuk slot perundingan kimia, perkongsian atau *sharing info* antara ahli kumpulan menjadi begitu mudah. Sebagai contoh kami boleh berkongsi maklumat seperti jawapan untuk sesuatu soalan, mendapat penjelasan lanjut daripada web-web akademik dengan cara buat *link*, mengambil gambar jawapan dan *upload* untuk perbincangan dan sebagainya. Maknanya semua maklumat yang berkaitan dengan proses pembelajaran mudahlah nak kongsi.

F: Paling penting, soalan atau nota yang dikongsi tidak hilang. Begitu juga dengan hasil perbincangan bersama ahli-ahli dalam kumpulan. Kadang-kadang kita lupa sesuatu, so kita boleh *refer* semula dalam *group discussion* tu, boleh juga *download* nota dan soalan yang cikgu berikan.

C: Saya rasa penggunaan *Facebook* ni boleh menarik minat untuk kita sukakan subjek kimia kerana ia kerap dilayari. Sebagai contoh, sekiranya kita tidak meminati *chemistry*, tetapi bila menggunakan *Facebook* sebagai platform, lama kelamaan pelajar akan menyukainya.

A: Ok, sekarang ni kita pergi kepada soalan yang kedua ye. Soalannya begini, pada pendapat anda, apakah kelemahan atau keburukan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (*PBL*) dan slot perundingan melalui *Facebook* bagi subjek kimia ini? Seperti sebelum ini, kita mulakan dengan kelemahan *PBL* melalui *Facebook* dulu.

H: Pada pandangan saya, kaedah ini sebenarnya mengurangkan *interpersonal skill* dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana kita banyak berinteraksi dalam alam maya, sedangkan bila berhadapan secara realiti kita akan jadi gugup dan sebagainya. Lebih-lebih lagi bila kemahiran berkomunikasi secara *real time* diperlukan seperti *interview*, rasanya masalah ini begitu runcing pada generasi sekarang.

B: Bagi saya, keadaan tersebut mungkin berlaku jika hanya bergantung kepada media sosial semata-mata untuk berkomunikasi. Saya fikir, penggunaan media sosial ini boleh menjadikan seseorang itu mengikuti *trend* dan mengetahui apa yang berlaku di sekeliling. *So*, jika kita *implement* serentak seperti diadakan juga *meeting face to face* selain menggunakan *Facebook* seperti mana *PBL* ini, saya fikir kesannya sangatlah baik.

F: Ya, saya setuju tu. Dia ada masa yang kita boleh guna *Facebook* dan ada masa yang kita perlu berjumpa. Sebabnya guna *Facebook* pun ada masalahnya. Contohnya macam masalah teknikal yang selalu saya dan rakan-rakan hadapi adalah masalah *coverage internet*. Kadang-kadang berlaku keadaan internet yang sangat lambat hinggalah ada sekali tu langsung tiada *coverage*. Satu lagi, *Facebook* menggunakan data yang begitu besar untuk *download* dan sebagainya. Saya harap agar pihak Kolej dapat *upgrade internet system* agar lebih laju.

C: Bagi saya, kelemahan *PBL* melalui *Facebook* ini adalah terdapat ahli kumpulan yang tidak aktif. Saya mencadangkan agar kumpulan perlu dikecilkan lagi supaya setiap ahli menjadi lebih aktif. Sebabnya ada ahli kumpulan yang sangat aktif dan ada pula yang pasif atau tidak aktif mungkin kerana saiz kumpulan itu agak besar. *So* better kecilkan kumpulan supaya lebih banyak interaksi sesama mereka berlaku.

A: So, maknanya jika kumpulan tu lebih kecil kesannya lebih baik kepada ahli-ahli kumpulan?

C: Ya,itu yang saya maksudkan.

B: Saya dapati ada maklumat yang rakan-rakan *share* namun mereka sendiri tidak tahu kesahihan maklumat itu. Justeru, saya syorkan rakan-rakan kumpulan saya supaya *share* maklumat yang benar-benar sahih. So, sebelum kita *share* sesuatu, kita kena pastikan web atau sumber yang kita *share* adalah berautoriti.

I: Bagi saya, *Facebook* ni pun ada banyak sangat tarikan yang boleh menghilangkan fokus untuk belajar. Saya rasa kebanyakan pelajar termasuk saya begitu suka main *games* yang ada di *Facebook* sebab boleh main secara *online* dengan rakan-rakan lain.

A: So apa yang telah kamu lakukan untuk kurangkan tabiat main *games* tu?

I: Saya telah *stop* semua *application games* dalam *Facebook* saya. Mungkin saya akan *on* semua *time* cuti semester nanti...hahahaha (*semua ketawa serentak.*)

A: Bagaimana pula dengan slot perundingan kimia melalui Facebook, apa kelemahan yang kamu nampak?

G: Pada pendapat saya cikgu, kadang-kadang tu, bila berbincang dalam nak selesaikan soalan yang cikgu *upload*, saya sendiri kurang yakin dengan cadangan jawapan yang kawan saya bagi. *Then* bila cikgu *confirmkan* jawapan tu dengan komen beserta pembetulan, baru saya rasa puas hati.

I: Bagi saya pula, *sometimes* sukar nak *explain my answer* kat kawan-kawan dalam group *especially* kalau jawapan tu *quite complicated*. Susah juga nak tulis panjang-panjang. Kadang-kadang *verbal explanation* saya rasa lebih mudah. Pernah sekali tu, saya guna *application video conference* kat *Facebook* untuk beri *explanation* pada rakan-rakan. *Its very interesting* dan dapat *feedback* yang baik daripada kawan-kawan.

C: Saya bersetuju. Saya pun kadang-kadang hadapi masalah yang sama. Lebih-lebih lagi kalau kita nak beri penjelasan berkenaan konsep kimia yang kompleks, penjelasan secara lisan adalah terbaik. Sebenarnya tak jadi masalah kalau internet laju sebab kita boleh guna *video calling* dan sebagainya.

A: Kita teruskan dengan soalan ketiga. Apakah yang dapat anda nyatakan sewaktu menjalani proses pembelajaran teradun (*blended learning*) melalui media sosial Facebook bagi subjek kimia?

H: Pada pendapat saya, *first impression* saya berasa teruja sangat, sebab *PBL Facebook* ni lain daripada lain. So, bila saya buat tu.. saya buat dengan sepenuh hati.

B: Saya dapati dengan pengenalan *PBL and consultation* via *Facebook* ianya dapat memaksimumkan *utilise of technology* dalam kalangan pelajar, so *misuse of technology* dapat dielakkan bahkan kami dilatih agar menggunakan media sosial untuk kebaikan, bukan sekadar untuk hiburan dan bersosial semata-mata.

A: Boleh *detailkan* lagi *misuse of technology* tu? Maksud awak macam mana..?

B: Maksud saya seperti anak-anak muda sekarang yang gemar membuang masa dengan *Facebook*, mereka hanya membazirkan masa dengan berbual kosong di media sosial. So, bila kita letakkan satu *objective of learning* pada *Facebook*, ia macam satu *distraction*... bukan kepada perkara-perkara tak berfaedah tapi sebaliknya kepada benda yang lebih berfaedah yang perlu dia buat di dalam satu media yang sama. So, secara tak langsung ianya seolah-olah menarik pelajar agar mengurangkan segala aktiviti atau benda-benda yang negatif sahaja.

F: So macam kita nak buat research untuk *PBL*, kita kena buat *discussion*.. bagi saya dengan cara lama kita akan buka buku..tapi bagi saya ia lambat dan membosankan. Macam saya, saya lebih suka mendapatkan maklumat menerusi *Youtube* dengan gambar-gambar yang bergerak dan menarik. Sebelum ni, saya pergi ke *Youtube* untuk melihat benda-benda *lagha* atau tak berfaedah. Tapi dengan adanya *PBL* ni, saya terus mencari maklumat daripada *Youtube*. Katakan saya terbuka satu *Youtube* tentang *research PBL* saya, then ada *link suggestion* untuk video lain yang ada kaitan dengan research saya yang tadi... so, saya akan tertarik untuk terus menerus tengok..tengok lagi dan lagi.. sambil membaca, melihat dan mencari maklumat untuk *PBL* saya tu.. Ia menjadikan saya begitu dahagakan *info* dan *knowledge* berbanding dulu saya sekadar dengar lagu je menerusi *Youtube*...hahahahaha

D: Saya fikir, perlu ada satu pemberian merit, penghargaan atau sistem penilaian yang lebih detail. Ini supaya pelajar dapat dirangsangkan lagi, agar lebih bermotivasi..

A: Maksudnya kita kena bagi reward?

D: Ya, beri ganjaran.. mungkin yang bersikap pasif tu nanti akan menjadi lebih aktif dalam memberi sumbangan kepada kumpulan. Mungkin juga boleh dibuat dalam bentuk sijil dan sebagainya.

C: Bagi saya, secara jujur, pada mulanya setiap kali dapat *notification* daripada group *PBL* atau *consultation*, saya rasa macam sesuatu yang pelik. Tapi lama kelamaan saya rasa macam *notification* sama ada dalam konteks bersosial atau belajar, ianya berlaku serentak... jadi macam biasa atau normal. Jadi lama kelamaan saya rasa akademik dan bersosial itu berjalan sekali atau selari. Kini rasa oklaa..rasanya macam akademik dah jadi sebahagian dalam dunia sosial saya. Susah nak dipisahkan. Ianya selari atau mudahnya *FB* saya dah jadi macam *one stop center*.

A: Sekarang ni kita nak beralih kepada soalan seterusnya, kali ni lebih kepada kemahiran insaniah atau *softskills*. Soalannya, pada pendapat anda, apakah kemahiran insaniah (*softskills*) yang berjaya dibentuk pada setiap individu pelajar menerusi pembelajaran beradun (*blended learning*) melalui media sosial? Mungkin kita mulakan kemahiran insaniah yang kamu perolehi daripada *PBL via Facebook*. Ada sebarang pendapat?

F: Bagi saya dari segi *communication skill*, sebelum ni saya seorang yang pemalu. Tapi sekarang saya rasa *confident level* saya dah meningkat sedikit. Saya berasa yakin dalam memberi pendapat. Sebab saya tahu ada rakan yang akan membantu atau memberi sokongan kepada saya.

C: Bagi saya skil dalam *searching for information*. Saya juga rasa bersemangat untuk terus belajar dan mencari pengetahuan.

G: Saya rasa dari segi *leadership*. Saya merupakan ketua bagi kumpulan saya. Saya telah belajar sesuatu iaitu kadang kala dalam kumpulan kita akan terdapat seseorang yang lebih menonjol akan sifat kepimpinannya hinggakan tidak mahu mendengar arahan daripada pemimpin yang ada. Bahkan beliau seolah-olah cuba untuk mengambil alih tugas saya sebagai ketua. Jadi bagi saya, menjadi pemimpin bukan hanya sebenarnya kita yang memimpin orang, tapi orang yang memimpin diri kita dalam masa yang sama. Tapi, secara jujur, bagi saya, bila sudah ada pemimpin, namun kita cuba mendahului pemimpin, bagi saya ia tidak patutlah. Pemimpin

haruslah tahu peranan untuk memimpin dan mendengar segala keluhan ahli manakala ahli kumpulan perlulah mengikut segala arahan pemimpin sebaik mungkin.

H: Pada pendapat saya, softskills yang diperolehi adalah berbeza-beza mengikut individu. Mungkin sesetengah agak kurang dari segi komunikasi, namun sesetengah pula dari segi aspek yang lain. Namun saya berpendapat *PBL Facebook* berjaya menangani kemahiran insaniah dalam pelbagai aspek.

A: Ada pendapat yang lain?

E: Saya rasa *PBL Facebook* ni macam menguji integriti. Bila masuk FB itu seolah-olah menguji saya sama ada nak terus pembelajaran atau nak tengok benda-benda negatif. So tengoklah pada student tu, dia nak buat keje atau dia nak main-main. Sedikit sebanyak ia menguji iman juga...hahaha

B: Saya dapati dalam group PBL ni ada pelajar dan juga pensyarah. Jadi pelajar akan mengawal bahasa mereka. Tidak seperti dalam sosial media yang lain, pelajar sesuka hati mencarut dan lain-lain. Jadi pelajar lebih tertib.

A: Secara tak langsung ia melatih pelajar sebab bila guru ada sekali pelajar akan *control* ye.. Adakah itu tidak mengganggu *privacy* kamu semua?

Tidak... (*Semua pelajar jawab secara serentak*)

F: Saya pula masa *first-first* dulu rasa malu. So bila nak bagi *opinion* sendiri pun rasa segan, sebab ahli-ahli kumpulan yang lain semua hebat-hebat dan bijak-bijak. Tapi sekarang saya lebih *confident* dan tidak lagi malu dalam memberi pendapat.

C: Saya pula rasa macam dapat *appreciation* daripada rakan-rakan, terutama bila saya bagi pendapat, ada rakan-rakan yang *like*. Saya rasa pendapat saya dihargai, dihormati dan ini menambahkan lagi keyakinan saya. Saya juga melakukan perkara yang sama dalam memberi penghargaan dan memberi motivasi kepada rakan-rakan. Saya kadang kala macam ingin bagitau yang saya *concern* tentang perkara yang rakan saya bangkitkan.

I: Pada pendapat saya pula, *PBL Facebook* ni boleh melatih pelajar untuk berfikir secara kritis. Yela, macam kawan kita cakap tadi, sekarang kalau kat sekolah semua dok pentingkan KBAT (kemahiran berfikir aras tinggi), kat sekolah menengah dan universiti pula HOTS (*high order thinking skills*). Tapi untuk ke arah tu, kita semua

perlu latihan atau praktis, jadi saya rasa *PBL Facebook* ini adalah jawabannya. Ia merupakan latihan terbaik untuk kita.

A: Ada pendapat lain? Ok, bagaimana pula dengan slot perundingan kimia melalui *Facebook*. Pada pendapat anda, apakah kemahiran insaniah (softskills) yang berjaya dibentuk?

E: Pada saya *teamwork*. Saya nampak semua ahli dalam kumpulan saling bantu membantu dalam menyelesaikan *task* atau soalan-soalan yang cikgu bagi. Semangat kerjasama ini sangatlah *obvious* mungkin disebabkan *student* sedar yang cikgu pun adalah ahli dalam group tu. Hahaha (*semua pelajar ketawa serentak*)

G: Time management kot. Saya nampak, kitakan bekas pelajar MRSM, *so we tend to do work at the last minute*. Tapi bila ada *PBL Facebook* kehadiran guru bersama dalam satu kumpulan menyebabkan kami telah mula belajar cara untuk merancang kerja lebih awal dan sistematik. Bukan lagi menunggu saat-saat akhir.

I: Cara untuk bekerja dengan *different kind of people*.. *In other words, how to tolerate with people during the discussion*. Sebab bila bekerja dalam *group*, ada yang pemalu.. ada yang terlebih-lebih pula. *So* kita akan bekerjasama macam mana nak jadikan *group* yang pemalu boleh turut serta dan *group* yang tak kisah agar lebih ambil tahu.

E: Kerjasama dalam kumpulan penting. Contoh bila kita dapat satu-satu artikel, jadi perlu untuk analisis artikel tersebut dan ini memerlukan kerjasama semua ahli kumpulan. Contohnya kumpulan kami dapat *catalyst*, tapi kami perlu untuk analisis setiap *catalyst* dan memilih yang paling sesuai untuk petroleum.

A: Ok, kita ke soalan seterusnya. Setujukah anda bahawa *Facebook*/media sosial merupakan *platform* yang sesuai untuk bertukar-tukar maklumat bagi subjek atau tugas yang berkaitan.

B: Ia sesuai tapi tidak boleh dijadikan major *platform*. Hal ini kerana saya fikir perlu ada juga perjumpaan untuk perbincangan bagi menyelesaikan masalah. Saya fikir perjumpaan perlu agar penyertaan rakan-rakan lebih menyeluruh dan jika guna *Facebook* semata-mata akan ada ahli bersikap pasif.

D: Pendapat saya, *Facebook* boleh dijadikan *platform* sebab macam saya ni tinggal di Sabah, *so* jika boleh buat *meeting* lebih awal iaitu ketika cuti pertengahan semester,

saya rasa amat memudahkan. Jika hendak tunggu buka semester, pastinya ramai yang sudah sibuk dan susah nak buat perjumpaan.

C: Bagi saya, ia sesuai tapi *back to our attitude* lah.. sape yang bole *handle*, dia akan dapat menggunakan *Facebook* dengan baik. Sebabnya, maklumat kini di hujung jari dan boleh dapat *24 hours*.

G: Saya rasa ia macam satu *encouragement*, sebab bila kita lihat rakan-rakan lain buat soalan yang cikgu poskan menyebabkan kita rasa ketinggalan.. so cepat2 kita buka *FB* untuk *download* soalan. Bila kita lihat rakan-rakan sibuk ber*discuss* dalam kumpulan *FB*, kita pun akan cuba untuk turut serta.

A: Sekiranya anda diberi pilihan untuk menggunakan website yang memang khusus untuk pembelajaran atau *Facebook*, mana satu yang menjadi pilihan? Boleh terangkan mengapa?

I: Saya rasa website. Waktu saya belajar di *US* dulu, sekolah tersebut mempunyai *website* mereka sendiri... *website for educational* yang untuk semua subjek. So when *u're log in*, u bolehlah pergi ke mana-mana subjek kita nak. Kalo kat *FB* ni, dia macam-macam *file* atau *folder* masuk.. dan jadi begitu banyak. Kalo orang yang tak reti guna *folder* dalam *FB*, diorang tak tau macam mana nak simpan dan susun. Berbeza dengan *website for educational*, ia akan susun semua folder tu cantik siap-siap. Then dia ada *chatbox group* yang ahli group tu saja boleh nampak. Lagi satu, kalau *educational website*, orang bila nampak *education* ni dia akan lebih serius.. Bagi saya, saya suka macam belajar..kena belajar. *Time* main, main. Bila nak *education*, *education* betul-betul. Bila nak *Facebook*, ok *Facebook* lah.. So bila *educational* betul-betul, kita nampak *aim* dia.

H: Saya *prefer Facebook* sebab ia unik. Then, kita student agak malas, suka kepada benda-benda yang menyeronokkan. Terus-terang *Facebook* amat menyeronokkan bagi saya. Kalo *educational website*, alaaaa... nak klik pun rasa malas. So, bila saya buka *Facebook*, disamping boleh mengambil tahu hal rakan-rakan, saya juga turut memberi komitmen kepada pelajaran. Ianya saya menyeronokkan.

G: Kalau saya pulak, keutamaan saya kepada senang atau tak senang. Katakan kita *compare* dengan *social media* yang lain katakan *twitter* kan, ia mempunyai *limit* berapa perkataan dan sebagainya. Bagi saya, *Facebook* mudah kerana *features* dia

senang.. boleh masukkan video, pdf.. macam *twitter* dia susah sikit. So kita *compare* kan yang mana lebih mudah. Kalau saya, saya akan pilih yang mana lebih senang.

C: Saya bersetuju dengan pendapat itu. Seperti Steve Job yang kreatif dalam menghasilkan *Apple*, mungkin kita boleh mengikut langkah beliau dengan menghasilkan *educational website* dengan menggabungkan ciri-ciri seperti *Facebook*. Jadi kita akan mendapat manfaat kedua-duanya. Mungkin ini untuk *long term*.

H: Pada pendapat saya, mungkin boleh diwujudkan *website* untuk *education* atau menggabungkan ciri-ciri media sosial pada *website*, namun bagi saya, rasanya buat masa ini *sosial media* terbaik untuk saya adalah *Facebook*. Hal ini kerana, bagi orang yang malas nak buka *website*, sama macam saya sendiri pun kurang tertarik nak buka *website education*, berbanding dengan *Facebook* yang sememangnya rutin nak buka *Facebook*, kalau kita selitkan pelajaran dalam benda rutin ini, dia akan jadi terbuat. Maka mungkin lama-lama ia akan menjadi perkara biasa untuk dibuat. Jadi buat masa ini, bagi pelajar yang berdisiplin dan kurang berdisiplin, sesuaiilah digunakan *Facebook*.

E: Ya, saya juga bersetuju dengan penggunaan *Facebook*. Sebabnya di situ ada *entertainment* dan dalam masa yang sama ada *commitment*. So, kita kena *balance* kan kedua-duanya.

A: Apa pendapat anda berkenaan penggunaan *handset* sebagai *mobile learning*? Hal ini kerana *Facebook* kini pun dah boleh akses guna *handset*.

F: Saya sangat bersetuju cikgu. Sebab kadang-kadang sambil kita menunggu rakan, berehat, kita akan buka *Facebook*, *browsing*, *google*.. Jadi sekarang ni mudah untuk kita *discuss* di mana-mana sahaja.

I: Saya juga bersetuju cikgu. Kini kita boleh belajar di mana-mana sahaja tanpa mengira tempat.

A: Ok, kita ke soalan seterusnya. Apakah cadangan atau penambahbaikan untuk kaedah *PBL* dan slot rundingan melalui *Facebook* yang anda rasa dapat dilakukan pada masa hadapan? Kita mulakan dengan kaedah *PBL* melalui *Facebook* dulu.

D: Kalau kita lihat dari segi bilangan ahli dalam kumpulan, sekitar 6-7 orang. Saya fikir mungkin boleh dikecilkan lagi kumpulan tersebut agar *involvement of student* tu menjadi lebih aktif. Saya rasa mungkin dalam 2-3 orang pelajar sahaja dalam satu kumpulan *PBL* tu.

B: Saya berpendapat agar sistem pemarkahan atau penilaian yang lebih ketat perlu diwujudkan dan pelajar boleh diberikan sijil dan sebagainya.

E: Lagi mungkin boleh ditambah ganjaran atau *reward*. Tak kisahlah macam mana pun konsepnya sebab kebanyakan pelajar lebih bermotivasi bila diberi ganjaran atau penghargaan. Tapi sebelum nak bagi ganjaran, perlulah ada satu sistem penilaian yang mantap dan *standard*.

A: Ok, ada cadangan lain?

F: *Time duration* kot. Sebab saya rasa masa yang lebih lama diperlukan untuk buat *PBL*. Tapi jangan terlalu lama, nanti pelajar abaikan je. Jika masa terlalu singkat, pelajar akan buat lebih kurang, *just* dengan niat semata-mata nak lepas. *So* tak bestlah, kita nak belajarkan. Jadi saya rasa perlu tempoh masa selama satu semester

A: Bagaimanakah caranya untuk menjadikan semua ahli dalam satu-satu group tu aktif?

G: Saya rasa kena bagi soalan yang susah atau mencabar.

A: Risau bagi soalan susah semua ahli dalam kumpulan diam terus.

Semua (serentak) – Hahahahahahaha

C: Satu lagi cikgu, saya fikir mungkin kita boleh guna *Whatsapps* juga kot...?

A: Ok, compare *Facebook* dengan *Whatsapps*, *which one* yang kamu rasa lebih *convenient*?

Facebook.... (semua pelajar menjawab secara serentak)

A: Kenapa? Bole bagi penjelasan?

H: Dari segi perbincangan, nak share maklumat, *Facebook* sebagai *platform* yang lebih senang. *Whatsapps* pula ada *specialnya* terutama untuk komunikasi atau kerja nak cepat dan sebagainya.

F: Kalau *Facebook*, semua maklumat yang kita share akan kekal kat situ dan mudah untuk dapatkan. Bagi *Whatsapps* pula, dia macam tak tersusun, dia masuk-masuk banyak gitu.

B: Saya rasa mungkin kita boleh guna *both of them*. Untuk *discussion* or *posting* berkaitan dengan sebarang *article*, *Facebook* is the best. Tapi kalau macam kita nak segera, seperti panggil kawan untuk perbincangan, *Whatsapps* adalah terbaik.

A: Ada pendapat lain?

E: Agihan kerja tu. Kena balance. Dan mungkin jika kita ingin seseorang individu yang pasif menjadi lebih aktif, kita boleh berikan tugas yang sangat penting kepada individu tersebut. Supaya jika dia tidak siapkan bahagian dia, satu kumpulan akan *effected*. Bukan nak beban dia, tapi nak membantu dia agar aktif sikit.

H: Saya fikir, kecilkan ahli dalam satu-satu kumpulan merupakan jalan penyelesaian terbaik kepada masalah ini.

A: Bagaimana pula dengan slot perundingan kimia melalui *Facebook*? Apakah cadangan atau penambahbaikan yang anda rasa dapat dilakukan di masa hadapan?

D: Saya fikir selain perbincangan melalui media sosial, perlu diadakan juga perbincangan atau perjumpaan di luar. Sebabnya, kadang kala perbincangan di luar dapat mengeratkan tali silaturrahim di samping kita dapat kenal dengan lebih rapat. Ini juga berkait rapat dengan soalan-soalan yang susah nak diberi penjelasan menggunakan media sosial, maka perjumpaan secara terus atau di luar dapat selesaikan masalah tu.

F: Saya mencadangkan agar diperbanyakkan soalan-soalan latihan yang bersifat *High Order Thinking* (HOT) supaya pelajar akan berbincang secara lebih serius. Kadang-kadang perbincangan jadi tak *best* bila soalan yang cikgu *upload* dalam *Facebook* untuk dibincang bersifat terlalu senang atau tak mencabar.

I: Bercakap pasal perbincangan tu, saya dapati ada pelajar yang kurang aktif. Jadi saya cadangkan agar satu sistem kena ada untuk nak pantau setakat mana penglibatan pelajar dalam sesuatu perbincangan. Mungkin perlu ada satu sistem rekod ke, penilaian atau sebagainya.

A: Ada sebarang pendapat lain? Ok, kita pergi ke soalan yang terakhir. Apakah pendapat anda berkenaan *PBL* dan slot perundingan melalui *Facebook* bagi subjek kimia, adakah wajar ia diteruskan di masa hadapan?

-Wajar... (*semua pelajar menjawab secara serentak*)

I: Saya sangat setuju sebab nanti bila masuk universiti takdelah terkejut sangat bila ada subjek yang buat *PBL*. Lebih baik kalau *PBL* ini diperkenalkan juga kepada subjek-subjek yang lain dalam program *Foundation* ini.

A: Ada sebarang pendapat atau cadangan lain?

-Semua pelajar diam

A: Ok, saya rasa cukup setakat ini. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas kesudian para pelajar sekalian untuk berkongsi pendapat, pengalaman dan turut memberikan cadangan kepada kaedah pembelajaran teradun melalui media sosial *Facebook* ini. Segala maklumat yang saya peroleh ini akan saya gunakan untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih sekali lagi. Kita tutup majlis kita dengan *tasbih kafarah* dan surah *Al-As*. Wassalam.



Lampiran J

Transkrip Temubual Kumpulan Fokus 2

Tarikh /Hari : 10 Disember 2015 / Khamis.
Masa : 2.00 petang – 3.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Teratai, Kolej MARA Kuala Nerang.

A - Penemubual J - Pelajar 1 K - Pelajar 2 L – Pelajar 3 M – Pelajar 4
N – Pelajar 5 O – Pelajar 6 P – Pelajar 7 Q– Pelajar 8

A: Assalamualaikum, selamat datang ke sesi temubual berkumpulan atau lebih dikenali temubual kumpulan fokus. Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih atas kesudian para pelajar untuk menghadiri sesi temubual ini. Temubual ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan anda berkenaan pembelajaran melalui *Facebook* secara kaedah *Problem Based Learning* dan slot perundingan *online* yang telah anda lalui sebelum ini. Tetapi sebelum kita teruskan dengan sesi soalan, ada baiknya kita mulakan sesi kita ini dengan membaca Ummul Kitab. AlFatihah.

A: Para pelajar sekalian bebas untuk memberi pandangan tanpa perlu menunggu giliran. Saya akan berikan soalan, kamu boleh terus berikan pandangan kamu atau boleh juga mencelah namun seeloknya benarkan rakan-rakan kamu habiskan dulu kata-kata atau pendapat mereka.

A: Kita ke soalan yang pertama, apakah kelebihan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBL) dan slot perundingan melalui *Facebook* dalam membantu pencapaian subjek kimia anda? So, kita akan mulakan dengan kelebihan *PBL* via *Facebook* dulu.

L: Pada pendapat saya, kaedah PBL melalui *Facebook* berjaya menarik minat saya untuk mempelajari sesuatu topik kimia secara lebih mendalam selain turut mendalami pelbagai topik kimia yang tiada dalam silibus. Soalan-soalan *PBL* yang diberi agak mencabar. Jadi kami perlu mencari maklumat dan memahaminya sebelum mengaitkannya dengan masalah yang diberi. Saya rasa yang susahnyanya kadang-kadang tu perlu cari maklumat yang kita tak pernah belajar dalam kelas.

J: Ya, saya setuju. Bagi saya, kaedah ini dapat membuka minda saya ke tahap yang mendalam. Tak macam dulu, apa yang cikgu ajar setakat tu lah juga kita baca. Nak lebih-lebih.. jangan haraplah..hahahaha (semua ketawa).

Q: Sebenarnya cikgu, perkara yang sama berlaku pada saya. Saya secara peribadi telah menelefon ayah saya dan bertanya sendiri mengapa bateri kereta kadang kala tidak berfungsi, apakah faktor-faktornya? Dan ini merupakan sesuatu yang ganjil bagi saya dan keluarga kerana selalunya saya tidak akan mendapatkan bantuan ayah bagi tujuan *study* saya, sebaliknya saya akan memilih untuk bertanyakan cikgu. Cara ini bukan sahaja menambahkan kefahaman saya namun turut mengukuhkan ikatan saya dan ayah.

M: Ya, perasaan yang sama turut saya alami. Hinggakan sekarang saya bercadang bila balik bercuti nak buka *hood engine* kereta ayah saya untuk melihat sendiri bateri kereta dan semua komponennya untuk membina kefahaman yang lebih bagaimana kereta berfungsi.

A: Wah! Sampai begitu kesan *PBL Facebook* ini pada kamu ye. Ada sebarang pandangan lain?

K: *PBL Facebook* dan *FILA MMS* dapat membuatkan pelajar lebih mendalami dan berusaha mencari maklumat sendiri tanpa bantuan pensyarah. Sebabnya kita perlu banyak bergerak sendiri dalam mencari maklumat dan jalan penyelesaian. Ya, memang kita tak nafikan cikgu juga ada beri bimbingan, namun ia adalah minimum.

P: Bagi saya pula, sama seperti rakan-rakan tadi, aplikasi *FB-PBL* merupakan platform terbaik untuk pelajar berfikir dengan lebih mendalam. Aplikasi media sosial banyak membantu untuk memudahkan perbincangan sebenarnya.

N: Ya betul tu, saya dapati pembelajaran jadi cepat dengan aplikasi media sosial seperti *Facebook* sebab maklumat mudah sangat nak dikongsi dengan kawan-kawan contohnya melalui gambar, video ataupun dokumen bertulis.

O: Lagi satu, ruang comment yang terdapat pada *Facebook* membolehkan perbincangan dan cadangan secara dua hala berlaku

A: Apa kelebihan lain yang kamu nampak pada *PBL via Facebook*?

J: Pada saya cikgu, perbincangan dalam kumpulan lebih mudah dilaksanakan. Setiap ahli kumpulan boleh memberi idea dan maklumat dengan cepat, mudah dan saya dapati cara ini boleh membantu pelajar yang pemalu atau pendiam.

M: Ya, bercakap pasal perbincangan ni, *PBL* melalui *Facebook* dapat menjimatkan masa pelajar dalam berbincang tanpa perlu mengatur pada sekian-sekian masa atau menunggu di tempat-tempat tertentu untuk bertemu ahli-ahli kumpulan.

Q: Kadang-kadang nak aturkan meeting ni masalah yang besar. Sebab semua students sibuk dengan assignment, study, prepare untuk kuiz dan lain-lain. Jadi *Facebook* adalah jalan penyelesaian yang paling kreatif yang saya nampak.

P: *Problem Based Learning* memerlukan perkongsian maklumat sesama ahli kumpulan. *Facebook* telah memudahkan lagi proses ini berlaku walau di mana pun kita berada, kita masih saling berhubungan.

A: Baiklah, ada sebarang pendapat lain?

A: Kita teruskan dengan kelebihan slot perundingan kimia melalui *Facebook* dalam membantu pencapaian subjek kimia anda. Apakah kelebihan yang anda dapat nyatakan di sini?

O: Boleh saya mulakan dulu cikgu..?

A: Ya, silakan..

O: Pada pendapat saya, daripada slot perundingan kimia *Facebook* ini, pensyarah dapat memberikan latihan dan soalan tanpa perlu bertemu dan ini dapat mengurangkan penggunaan kertas. Saya juga dapat menjawab latihan bila-bila masa sahaja yang saya mahu.

A: Ok, maknanya kaedah ini *environmental-friendly* ye?

O: Ya betul cikgu..

K: Bagi saya pula, kelebihan kaedah pembelajaran ini adalah dengan adanya sistem *chatting* pada *Facebook* kerana pelajar dapat berinteraksi dengan guru biar pun di luar waktu pejabat.

N: Pada pandangan saya, kaedah ini telah membuka minda saya bahawa gajet boleh menjadi medium pembelajaran yang berkesan dan mampu membantu menyemai sikap suka membaca dan belajar di mana sahaja. *Phone* senang dibawa, ia boleh digunakan untuk mengakses jurnal atau bahan bacaan lain.

L: Ya, saya setuju. Kini kita sudah boleh belajar di mana-mana. Saya seringkali menggunakan teknologi ni untuk menambahkan pembacaan saya. Dulu kena bawa buku, namun kini semuanya ada dalam *tablet* saya ni.. hehehe (sambil menunjukkan *tablet*).

A: Maknanya semua maklumat kini di hujung jari kan..?

Ya cikgu.. (*pelajar menjawab secara serentak*)

Q: Bagi saya, kelebihan kaedah ini adalah maklumat dapat disampaikan kepada rakan-rakan dengan cepat, mudah dan jelas beserta dengan gambar yang berwarna-warni.

P: Ya, saya rasa *picture* beserta dengan *explanation* telah memudahkan kefahaman pelajar, maknanya sesuatu penjelasan tu mudah disampaikan kepada rakan-rakan.

A: Hmmm.. ok, ada pendapat lain?

M: saya dapati sangat mudah untuk share *media file* yang besar selain pelbagai pengetahuan baharu daripada website lain seperti *youtube* dan *google* juga dapat dikongsi bersama kawan-kawan.

L: *Sharing video* daripada *youtube* adalah *part* yang paling menarik bagi saya. Saya suka melihat video dan saya juga lebih cenderung untuk belajar dengan melihat objek yang bergerak secara *live* seperti melihat video.

J: Saya dapati *Facebook* juga mempunyai *group* atau *page* yang berkaitan akademik yang mana di dalamnya terdapat pakar-pakar di dalam bidang yang sama. Jadi mudah untuk bertanyakan sebarang soalan yang berkaitan dengan bidang tertentu dan selalunya ia akan dijawab oleh mereka yang pakar. Ini menjadikan proses pembelajaran menjadi lebih menarik.

A: Awak pernah mencuba *academic page* tu?

J: Ya, saya pernah beberapa kali beri soalan berkaitan kimia. Alhamdulillah, dalam beberapa minit je dapat *reply* daripada *members group* tu.

P: Sebenarnya cikgu, *academic page* melalui *Facebook* ni ada dua jenis. Satu yang *free* dan satu lagi berbayar. Yang berbayar ni juga melalui *Facebook*, saya dapat *subscribe* mana-mana *page* ilmiah yang dapat meningkatkan lagi pengetahuan di luar kelas saya. Setakat ni saya berminat, tapi saya tak pernahlah lagi *subscribe*, duit tak cukup lagi cikgu.. hehehe

A: Oh macam tu. Mungkin yang *subscribe* tu tak mahal sangat kot.

P: Tak mahal sangat cikgu. Tapi biasalah cikgu, *student* macam saya ni duit sikit je...hahaha

A: Ok, saya faham. Ada pandangan lain?

Q: Cikgu, saya dapati kaedah ini memudahkan proses untuk menyampaikan maklumat dan membantu pelajar seperti saya yang menghadapi masalah dalam perbincangan secara lisan.

A: Oh yeke.. tapi sekarang ni awak boleh je bercakap dengan lancar.

Q: Hehehe ya cikgu. Saya boleh bercakap dengan lancar ni pun sebab saya dah tulis apa yang saya nak cakapkan.. (*sambil tunjukkan buku catatan*).

A: Hehehe ok. Ada pandangan lain?

K: Satu lagi cikgu, saya rasa melalui kaedah ini, maklumat yang dikongsi mudah dicari semula dan ianya tidak akan hilang selagi bahan tersebut masih ingin dikongsi oleh tuan pemiliknya. So, tak perlu lagi risau maklumat tu akan hilang. Berbeza dengan *print paper*, kalau kita letak merata-rata, alamat hilanglah yer...hehehe

P: Saya setuju. Sebabnya pernah saya *miss* satu *article* penting dalam group *FB* saya. Tapi bila saya diberitahu oleh rakan saya, terus saya buka akaun *FB* saya dan *article* tu masih ada walau pun dah lama di *upload*. Jadi dengan cara tu, saya tak risau lagi sekiranya saya tak dapat bahan atau kehilangan sesuatu bahan yang penting.

N: Betul tu, dalam kes slot perundingan kimia melalui *Facebook* ni, soalan dan jawapan yang dikongsi tidak akan hilang dan yang paling penting ianya boleh dibuka setiap masa.

P: *Facebook* sangat memudahkan. Ini kerana boleh dikatakan kesemua rakan-rakan mempunyai *Facebook*. Nak buka pun senang, sama ada melalui komputer atau pun *handset*. Jadi bolehlah tengok soalan yang cikgu bagi tu di mana-mana *then* cuba menjawabnya. Soalan tu akan ada kat situ sampai bila-bila. So, selalunya saya akan *print* kesemua soalan beserta jawapan yang dibincang untuk di '*compile*' bila dah dekat dengan final exam. So bole study semula bila dekat-dekat nak exam.

A: Kita ke soalan yang kedua. Pada pendapat anda, apakah kelemahan atau keburukan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (PBL) dan slot perundingan kimia secara dalam talian Facebook bagi subjek kimia ini? Kita

bermula dengan *PBL via Facebook*, apakah kelemahan yang kamu dapat nyatakan?

L: Pada pendapat saya cikgu, salah satu kelemahan *PBL via Facebook* ini adalah *games online* yang ada dalam *Facebook* itu sendiri. Tarikannya kepada saya sendiri contohnya sangat kuat sekali. Terdapat banyak permainan yang disediakan dalam *Facebook* macam *Angry Birds*, *Farm Ville 2*, *Dragon City* dan *Candy Crush Saga*. So, ini boleh menyebabkan pelajar begitu leka bermain dan tidak fokus untuk menyiapkan *PBL Chemistry* seperti yang diharapkan. Mungkin ini hanya berlaku pada saya sahaja, agaknya.

P: Tidak, bukan pada awak sahaja. Saya pun hadapi masalah yang sama. Saya sebenarnya juga ketagih dengan *games* especially *games* yang ada kat *Facebook*. Susah saya nak berhenti, mungkin disebabkan *games* yang dimainkan di *Facebook* boleh disambung ke hari berikutnya menyebabkan setiap hari saya ingin bermain dan memperbaiki rekod-rekod yang lepas. Bahkan boleh dikatakan setiap malam kami akan bermain dan bersaing secara online sampai kadang-kadang berlanjutan hingga ke lewat pagi.

A: Agak berbahaya juga bila ketagihan *games* ni..

J: Betul tu cikgu. Sebenarnya tak bole salahkan *Facebook*, sebab tanpa *Facebook* pun kami tetap ketagih *games* yang lain. Kat internet tu dah ada macam-macam *games online*.

A: Ok, ada pendapat yang lain?

N: Selain daripada *games*, kadang-kadang masa terbuang dengan membaca komen kawan-kawan sebab *Facebook* ini bukan hanya untuk pembelajaran sahaja tapi terdapat juga rakan-rakan lain di situ.

Q: Ya saya turut mengalami situasi yang sama. Agak mengganggu jika guna *Facebook* sebab masa terbuang dengan baca komen daripada kawan-kawan yang bukan berkaitan dengan pelajaran. Sebabnya *Facebook* ni kita dah guna lama untuk bersosial asalnya. So, kadang-kadang tu saya *spend* masa hampir sejam sebelum nak tengok kepada *discussion* di *group PBL*.

O: Bagi saya, yang mengganggu saya sewaktu buka *Facebook* untuk buat *assignment PBL* adalah aplikasi *chatting*. Saya pula suka *chatting* kat *Facebook*. Kadang-kadang

tu tujuan asal nak bincang *PBL*, tapi bila dah mula *chatting especially* dengan kawan-kawan lama, tersangkut pula. Kadang-kadang saya habiskan masa berjam-jam hanya untuk *chatting*.

K: *Chatting* tu memang menyeronokkan tapi meleakakan. Kadang-kadang tu, bole *chatting* sampai 2-3 jam tapi rasa macam kejap jer.

M: Mungkin itulah faktor mengapa ahli-ahli dalam kumpulan *PBL Facebook* kurang aktif dalam perbincangan. Tapi tak semualah. Saya rasa *PBL Facebook* ini mesti mempunyai satu mekanisme pemantauan yang berkesan supaya semua ahli group *PBL* mengambil bahagian dengan lebih aktif. Kadang-kadang tu orang yang sama je dok berbincang, dok kemukan idea. Sebaliknya ada ahli yang jadi *sleeping partner*.

O: Saya saya bersetuju dengan pendapat tu. Kita kena fikirkan satu mekanisme untuk memastikan semua ahli mengambil bahagian yang aktif.

J: Kita tak boleh salahkan *students* je. Pihak Kolej contohnya kenalah *upgrade facility* yang ada. Contohnya seperti masalah liputan internet yang kadang kala perlahan sangat menyukarkan kami untuk menggunakan *Facebook* semaksimum mungkin untuk menyiapkan tugas *PBL* yang diberikan. Mungkin ini menjadi penyebab kenapa sesetengah pelajar tidak aktif dalam mengambil bahagian *PBL Facebook*. Kita kena tanya kepada individu itu sendiri.

A: Ya, saya akan kenal pasti pelajar-pelajar yang agak pasif tersebut dan dapatkan pandangan mereka sendiri.

M: Betul tu cikgu, tapi sebahagian faktor yang menyebabkan pelajar jadi pasif tu adalah disebabkan beberapa kelemahan yang kita dah bincangkan tadi.

A: Ok, bagaimana pula dengan slot perundingan kimia secara online *Facebook*? Apakah kelemahan atau keburukan yang kamu nampak?

Q: Sebahagiannya adalah sama seperti *PBL Facebook*. Tapi kelemahan yang lain yang saya turut alami adalah krisis kepercayaan.

A: Krisis kepercayaan? Boleh terangkan secara lebih *detail*?

Q: Krisis ketidakpercayaan pada jawapan kawan. Hehehehe (*ketawa*). Saya juga sebenarnya tidak dapat menerima bulat-bulat jawapan kawan, namun sekiranya jawapan atau *feedback* daripada pensyarah agak lambat diberikan, saya biasanya akan terima juga jawapan kawan saya tu seadanya.

P: Saya pun sama macam tu. Hehehehe (*ketawa*). Sebab itulah kalau boleh, *feedback* daripada pensyarah mesti cepat. Supaya kami tak tertunggu untuk mengesahkan jawapan kami sama ada betul atau salah. Komen daripada pensyarah juga penting dan lebih dipercayai berbanding ajaran daripada kawan-kawan. Hehehehe (*ketawa*)

N: Kadang-kadang tu, kita faham sesuatu perkara tu. Tapi nak terangkan menggunakan Facebook agak sukar. Mungkin memerlukan kaedah lisan kot. Maksud saya, jawapan yang saya beri kadang-kadang susah hendak difahami oleh rakan-rakan. Jadi biasanya saya akan mencari artikel atau pun nota daripada laman-laman web berkaitan yang dapat memberi penerangan yang lebih jelas dan mudah difahami. Kemudian saya akan link laman web tersebut kepada kumpulan *Facebook* supaya boleh dibaca oleh rakan-rakan. Saya rasa cara macam tu banyak membantu menjelaskan jawapan saya yang mungkin tak jelas sebelum itu.

L: Ya, saya setuju dengan kaedah tu lebih-lebih lagi kalau kita gunakan video untuk *support* penerangan kita tu. Sekarang ni, kat *Youtube* ada bermacam-macam video pembelajaran yang kita boleh *attach*. Just taip *keyword* dan kita akan dapat video pembelajaran tu.

A: Baiklah, kita teruskan dengan soalan yang ketiga. Apakah cadangan atau penambahbaikan yang anda rasa dapat dilakukan terhadap kaedah PBL melalui Facebook bagi subjek kimia ini?

A: Saya ringkaskan soalan, ada tak sebarang cadangan penambahbaikan terhadap PBL melalui Facebook?

O: Saya rasa masa yang diberikan kepada kami untuk menyiapkan PBL adalah tidak mencukupi kerana kami perlu melakukan *research* dalam mencari jawapan kepada persoalan yang diberi. Mungkin perlu ditambah masa lebih lama untuk kami buat *research*.

J: Tapi jangan lama sangat kot. Sebab ada antara kita yang selalu ambil mudah kalau tengok masih ada banyak masa lagi. Biasanya diorang akan kata “*relax ler, lambat lagi...*”.

L: Mungkin dapat difikirkan agar masa yang diberi tak terlalu singkat atau terlalu lama. Sebab kumpulan kami pun agak tergesa-gesa dalam menyiapkan tugas. Tapi salah kami juga yang suka buat kerja *last minute*..hehehe (*ketawa*)

A: Ok, hmmm.. ada pendapat lain?

N: Pada saya, mungkin selain menjadikan *Facebook* sebagai medium utama perbincangan, *Whatsapps* juga boleh dijadikan medium kedua atau perantara. Ini disebabkan pelajar selalunya akan buka aplikasi tu hampir setiap hari berbanding dengan *Facebook*.

P: Ya, saya setuju dengan pendapat tu. Dengan menggunakan *Whatsapps* atau *Telegram*, maklumat dapat diketahui dengan cepat dan mudah. Pembelajaran PBL mungkin jadi lebih seronok jika boleh menggunakan *Whatsapps* sekali kerana lebih mudah untuk berbincang selain ia juga lebih cepat.

K: Tapi, bagi saya ada pro dan kontranya. *Facebook* ada kelebihannya sendiri. Fail yang besar mudah untuk diupload guna *Facebook* berbanding *Whatsapps*. Data yang dimasukkan dalam *Facebook* juga tersusun berbanding *Whatsapps*. Tapi *Facebook* pula memerlukan data atau kuota internet yang banyak untuk nak buka berbanding *Whatsapps*.

M: Ya, betul tu. Masing-masing ada kelebihan dan kelemahan. Tapi pada saya, mungkin kita boleh guna kedua-dua sekali. Kalo kita nak *info* yang cepat, kita boleh guna *Whatsapps*.

Q: Betul tu, saya setuju kalau macam tu.

A: Ok, ada pendapat lain berkenaan penambahbaikan PBL melalui *Facebook*?

Q: Cikgu, kalau diberi hadiah atau *token*, rasanya aktiviti ni akan jadi lagi best. Hmmm.. rasanya mungkin boleh diberikan ganjaran atau hadiah untuk individu dan juga kumpulan yang berjaya menyelesaikan masalah dengan sempurna.

O: Betul tu cikgu, ia macam satu motivasi kepada pelajar. Ganjaran boleh jadi apa-apa saja, belanja makan *KFC* pun ok...hehehe (*ketawa*).

J: Tapi kalau bole nak satu pengiktirafan yang boleh kami guna untuk masa depan cikgu. Macam surat penghargaan atau sijil ke..

A: Ok, tapi kalau nak bagi ganjaran atau *reward*, sebelum tu kena ada penilaian kan?

L: Kena ada cikgu. Mungkin di akhir program ini perlu ada satu penilaian dan pemarkahan yang berdasarkan penglibatan pelajar dalam PBL *Facebook*. Secara tak langsung ia akan merangsangkan pelajar agar jadi lebih aktif.

M: Ya, dengan berdasarkan markah penilaian itulah akan digunakan untuk beri ganjaran atau *reward* kepada yang mendapat markah tertinggi.

A: Ok, ada pandangan lain?

A: Baiklah, apakah pula penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap slot perundingan kimia secara dalam talian (*online*) *Facebook* ?

K: Ok, untuk slot perundingan kimia tu, saya berpendapat sekiranya diadakan perjumpaan sesama ahli-ahli kumpulan, hasilnya sangatlah baik. Perjumpaan yang nak dibuat tu tak perlulah terlalu kerap, mungkin dalam seminggu atau dua minggu diadakan sekali perjumpaan.

A: Maksud kamu perjumpaan di luar daripada kumpulan *Facebook*?

K: Ya, betul cikgu. Perjumpaan di luar tu tak perlulah terlalu kerap. Sebabnya, bukan semua masalah dapat diselesaikan dengan cara berbincang di dalam *Facebook*, kadang-kadang perjumpaan di luar akan dapat selesaikan banyak masalah.

N: Bagi saya pula, saya rasa perlu ada juga soalan-soalan yang lebih mencabar dan menarik, *challenging questions but at the same time provide essential add-on aids to the students*.

L: Ya, saya setuju cikgu. Berikan soalan yang mencabar supaya perbincangan menjadi lebih aktif lagi.

M: Sekarang ni semua orang bercakap tentang soalan *HOTS*. Mungkin juga pensyarah boleh berikan soalan *HOTS* agar pelajar dapat berfikir dengan lebih mendalam.

P: Bagi saya, soalan *HOTS* mungkin boleh menambahkan minat pelajar untuk berusaha menjawab soalan yang diberikan. Namun, tanpa pemantauan, saya rasa akan ada juga pelajar yang cuba curi tulang. So, cadangan saya ialah slot perundingan kimia *Facebook* ini mesti mempunyai satu sistem pemantauan yang berkesan supaya semua ahli akan mengambil bahagian. Mungkin pensyarah kena *observe* siapa yang rajin dan siapa yang langsung tidak mengambil bahagian.

A: Ok, ada cadangan lain?

O: Tambahan kepada cadangan nak buat pemantauan tadi, saya cadangkan agar setiap ketua kumpulan mempunyai buku laporan '*meeting*' kumpulan. Setiap

perbincangan harus direkodkan untuk mengetahui ahli kumpulan yang banyak melibatkan diri dan ahli kumpulan yang langsung tidak mengambil bahagian.

L: Ya, saya setuju dengan cadangan tu. Saya fikir adalah lebih baik jika laporan tu perlu dihantar setiap minggu supaya pensyarah boleh mengesan lebih awal pelajar yang bersikap pasif.

A: Nampaknya begitu menarik kesemua cadangan dan pendapat yang kamu semua berikan. InsyaAllah di masa hadapan mungkin kita akan dapat dipraktikkan segala cadangan tersebut.

A: Boleh kita ke soalan yang seterusnya?

Boleh cikgu.. (semua menjawab serentak)

A: Baiklah, soalan seterusnya apakah kemahiran insaniah atau *softskills* yang berjaya dibentuk menerusi pembelajaran berasaskan masalah (PBL) kimia melalui *Facebook* ini?

Q: Boleh saya beri pendapat dulu cikgu?

A: Ya, silakan.

Q: Pada pendapat saya, penulisan atau pun komunikasi yang dilakukan di alam *Facebook* akan dapat membantu pelajar supaya lebih berani untuk berkongsi pendapat. Keadaan ini telah berlaku pada kawan saya. Sebelum ini dia seorang yang pemalu dan pendiam. Tapi bila dia mula berbincang di dalam kumpulan *Facebook PBL*, lama-kelamaan saya dapati dia telah menjadi seorang yang berani dan petah pula bercakap.

M: Ya, saya bersetuju dengan pendapat tu. Kaedah ini mampu membantu seseorang pelajar yang pemalu untuk berani tampil mengemukakan pendapat dalam perbincangan. Hal ini kerana perbincangan *PBL* ini hanya berlaku di alam maya dan tidak perlu bersemuka sama sekali. Jadi tiada apa yang perlu dikhuatiri.

K: Cikgu, maafkan saya. Sebenarnya saya kurang bersetuju dengan pendapat tadi kerana *PBL Facebook* juga memerlukan kita untuk berjumpa dan berbincang secara *face to face* atau *live*. *I think this is important.. because if we are only communicating online in Facebook, people can't really see and hear how you express your thoughts. You're basically talking with the laptop and not the human.*

So, saya rasa perlu ada juga perjumpaan *face to face besides communicating online in Facebook*.

A: Ya, *PBL Facebook* merupakan kaedah yang mengintegrasikan kedua-dua kaedah *face to face* dan juga secara *online* sebenarnya. So cikgu rasa tak timbul isu itu.

P: Sebenarnya jika kita ikut perancangan *PBL Facebook* yang ditetapkan, ada bahagian yang perlu kita *online* dan ada pula bahagian yang perlu kita bersemuka.

A: Baiklah, ada sesiapa yang ingin bagi pendapat lagi?

N: Secara peribadi, saya rasa kaedah ini dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi terutamanya dalam BI kerana kebanyakan ahli kumpulan menggunakan BI untuk berkomunikasi termasuk saya.

L: Ya, saya setuju sebab saya pun dapat rasakan peningkatan dalam *English* saya. Sebabnya dalam *discussion* kat *Facebook* semuanya dalam *English*. So, seganlah kalau saya sorang je nak cakap BM.. hehehe (ketawa)

J: Saya nampak *softskills* paling ketara dibina adalah sewaktu sesi pembentangan. Sesi pembentangan di akhir program ini telah membolehkan kami untuk mengasah keberanian berucap di hadapan yang jarang-jarang sekali kami perolehi. Pembentangan yang bersifat akademik ni memerlukan kami buat persiapan yang sangat rapi. Kalau tak *prepare* betul-betul memang akan cakup merapulah kat depan tu. *Then* kena soal macam-macam dengan kawan-kawan hingga tak bole nak jawab dah.

O: Saya pun nampak benda yang sama. Saya sangat bersetuju dengan kaedah *PBL Facebook* yang turut membuat *presentation* di hadapan rakan sekelas kerana saya dapati masih ramai lagi yang gementar untuk bercakap di hadapan orang ramai dan kadang kala takut untuk memberikan pendapat secara bersemuka.

L: Betul tu. *So* memang patut semua ahli kumpulan perlu mengambil bahagian dalam sesi pembentangan tu. Supaya semua dilatih untuk boleh bercakap di depan.

P: Bagi saya, apa yang penting adalah kerjasama. Kerjasama sesama ahli kumpulan merupakan salah satu perkara penting yang diperlukan dalam menyiapkan *PBL* ini. Banyak perkara atau maklumat yang perlu diketahui, *so* kalau semua *members* bekerjasama, jadi mudahlah nak siapkan tugas yang diberikan.

K: Kerjasama sangat penting daripada peringkat awal *PBL* hinggalah ketika *presentation*.

O: Bagi saya, saya dapat rasakan terdapat satu hubungan dan kerjasama erat antara kami dalam kumpulan *Facebook* apabila semua orang berkongsi pengetahuan dan maklumat menerusi pelbagai kaedah dan semua ahli kumpulan juga bekerjasama dengan baik ketika menyiapkan carta *FILA-MMS*. Rakan-rakan saya telah memberikan idea masing-masing dan kami kemudiannya telah menggabungkan idea-idea tersebut untuk menghasilkan jalan penyelesaian terbaik terhadap *problem scenario* yang kami perolehi.

J: Kerjasama yang erat juga boleh dicapai kalau pembahagian tugas dibahagikan sama rata sesama ahli kumpulan.

L: Selaku ketua kumpulan, saya bersyukur dan berterima kasih kepada rakan-rakan kumpulan saya yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya semasa proses menyelesaikan *problem scenario* yang diberikan. Semua ahli kumpulan *did not ignore* ketika saya memberikan pandangan saya tapi mereka juga akan membetulkan saya sekiranya saya silap dalam menyampaikan sesuatu maklumat dalam perbincangan.

N: Saya dan ahli kumpulan saya juga tiada masalah dalam mendengar dan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh ketua kumpulan kami. Kami yakin setiap perancangan yang dilakukan oleh ketua kumpulan adalah untuk kebaikan kumpulan kami juga.

K: Ya, saya setuju. Ketua kumpulan kami juga begitu komited dengan tugas yang diberikan. Jadi, usaha yang dia tunjukkan telah memberikan contoh yang baik kepada ahli-ahli kumpulan yang lain. So, kami takde masalah dan mudah untuk mengikut dan melaksanakan segala arahan yang diberikan oleh beliau tanpa banyak soal lagi.

A: Ok, ada pendapat lain?

Q: Pada pendapat saya, kaedah ini dapat meningkatkan kemahiran pelajar berfikir secara kritikal dan kritis.

P: Betul tu. Kami perlu berfikir *out of the box* dalam memikirkan penyelesaian untuk *problem scenario* yang diberi.

A: Ok, ada pendapat lain?

-*Suasana senyap seketika.*

A: Ok, bagaimana pula dengan slot perundingan kimia secara *online Facebook*? Apakah pula kemahiran insaniah yang berjaya dibentuk melaluiinya?

L: Pada pendapat saya, sikap saling bantu-membantu atau tolong-menolong. Rakan-rakan dalam kumpulan saya saling bantu membantu dan *collaborate* dalam menyelesaikan soalan-soalan yang pensyarah berikan. Walaupun saya sering buat kesilapan, namun rakan-rakan saya selalu tolong betulkan jawapan saya dengan baik dan sesekali memberikan saya motivasi.

P: Untuk kaedah ni, memang kita kena saling bantu-membantu sebabnya *nobody is perfect*. So, sebarang kesilapan yang kawan kita lakukan perlulah kita betulkan dan kita juga perlu bersikap rasional atau terbuka untuk menerima sebarang teguran. Jangan kita berasa kita jer yang betul.

O: Ya, saya setuju tu. Bercakap tentang rasional atau keterbukaan tu, ketika berbincang, kadang-kadang terdapat perbezaan pendapat dengan rakan-rakan sekumpulan. Jadi akan wujud konflik. Ketika inilah kita perlu bersabar dan bertolak-ansur. Kadang-kadang kita rasa pendapat kita betul, tapi hakikatnya salah. So kita kena be rasional and open-minded.

P: Saya rasa kaedah ini berjaya melatih kita agar bercakap dengan baik dalam menyampaikan pandangan kita. Sebabnya kalau kita taip dengan bahasa kasar dalam *Facebook*, semua rakan akan melihat dan akan menilai kita.

A: Maknanya kita kena lebih berhati-hati?

P: Ya cikgu. Kita kena fikirkan baik buruk apa yang kita taip sebelum *send* kepada kumpulan *PBL* tu.

A: Ok, ada pandangan lain?

-*Suasana senyap*

A: Cikgu rasa setakat ini sahaja temu bual kumpulan fokus kita hari ini. Sebelum kita mengakhiri sesi ini, ada apa-apa yang ingin kamu semua katakan?

-*Suasana senyap.*

A: Cikgu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesudian kamu semua meluang masa untuk sesi temu bual ini.

Semua pelajar: *Sama-sama*

A: Kita tutup majlis kita dengan *tasbih kafarah* dan surah *Al-As*. Wassalam.



Lampiran K

PERMOHONAN PENILAIAN PAKAR BAGI SOALAN PBL

Compose

Inbox (1,043)

Starred

Important

Sent Mail

Drafts (26)

Categories

Follow up

mas@BSM

mas@kmsk (141)

Misc

Priority

More

moht shahr

Semakan soalan Problem Based Learning (PBL) bagi subjek kimia

moht shahr mohamed sunar mskmsk@kmsk.kem.edu.my

Assalamualaikum Dr

- Terlewat dahulu saya ingin memperkenankan diri saya. Nama saya Mohd Shahr bin Mohamed Sunar, merupakan salah seorang pensyarah di Kolej MARA Kuala Nering.
- Mula mengenali Dr seawaktu Dr mengendalikan bengkel PBL di kolej ini pada 19 Mei 2012
- Sejak itu, unit kimia Kolej MARA Kuala Nering telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan PBL dalam pengajaran subjek kimia
- Sehingga kini baru-baru ini kami telah mengadakan bengkel dan menyediakan beberapa 'problem scenario' untuk dibentangkan kepada pelajar sebagai permulaan PBL di kolej ini
- Justeru, pihak Kolej memohon jasa baik Dr untuk memeliti, memeriksa dan membolehkan segala kesediaan dan/atau konsep mahupun tahap kesesuaian soalan-soalan tersebut
- Apbila/andanda Dr ini juga akan kami gantikan sebagai penasihat bahawa soalan-soalan ini telah disemak sebelum dibentangkan kepada pelajar
- Pihak Kolej juga akan memberikan sedikit 'token' kepada Dr sebagai tanda terima kasih atas kejasama Dr bertenak. Mohon agar Dr dapat memberikan nombor akaun bank untuk memudahkan pihak Kolej bagi tujuan tersebut.
- Akhir sekali, saya mewakili pihak Kolej MARA Kuala Nering ingin mengucapkan best wishes kepada Dr sekiranya Dr beretuju untuk memeriksa soalan-soalan PBL kami tersebut.

Wassalam

 **UUM**
Universiti Utara Malaysia

Compose

Inbox (1,043)

Starred

Important

Sent Mail

Drafts (26)

Categories

Follow up

mas@BSM

mas@kmsk (141)

Misc

Priority

More

moht shahr

Prof. Medya Dr. Norhafezah Binti Yusof norhafezah@uum.edu.my

9/18/15

to me

Malay English Translate message Turn off for Malay

Assalamualaikum En Mohd Shahr

Terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan. Saya perlukan pengesahan untuk dokumen PBL yang saya terima. Kesemuanya ada 6 jenis 'problem scenarios' dan 10 jenis memotivasi. Adakah setiap dokumen disediakan oleh tenaga pengajar yang berkecuali?

Satu perkara lagi, mohon untuk setiap soalan/kes disertakan 1) learning outcomes (hasil pembelajaran) dan 2) kemahiran yang diharapkan dapat dicapai oleh pelajar (2 atau 3 adalah memadai)

Berikut En Mohd Shahr nyatakan 'deadline' untuk saya memberikan maklum balas untuk semakan soalan PBL?

Terima kasih

selam!

Norhafezah Yusof, PhD
Associate Professor
Department of Communication
School of Multimedia Technology & Communication
Universiti Utara Malaysia
00010 UUM
Sintok, Kedah
Malaysia
No: +60124300008 Tel: +604 5285888 Fax: +6049285801 E-mail: norhafezah@uum.edu.my

LAMPIRAN L

PENILAIAN PAKAR UNTUK SOALAN-SOALAN PBL

COMPOSE

Inbox (1,043)

Starred

Important

Sent Mail

Drafts (26)

Categories

Follow up

mar@BSM

mar@kmu (141)

Misc

Priority

More

mohd shahir

**mohd shahir mohamed sunar** <shahir@kmu.kerang.edu.my>
to Madya

10/17/15

Assalamualaikum Dr,

- Bersama-sama ini saya sertakan soalan-soalan PBL bagi subjek kimia, beserta LO dan kemahiran yang ingin dicapai.
- Mohon Dr turut memberikan nombor akaun bank Dr untuk memudahkan pihak kami bank in sedikit 'token' daripada pihak Kolej.
- Saya mewakili unit kimia Kolej MARA Kuala Nerang mengucapkan berbilang terima kasih atas kerjasama yang telah Dr berikan.

Terima Kasih,
Wassalam.



Chemistry PBL P...

COMPOSE

Inbox (1,043)

Starred

Important

Sent Mail

Drafts (26)

Categories

Follow up

mar@BSM

mar@kmu (141)

Misc

Priority

More

mohd shahir

**Prof. Madya Dr. Norhafizah Binti Yusoff** <norhafizah@uum.edu.my>
to me

11/6/15

Assalamualaikum,

Bersama ini saya sampaikan penilaian mengenai PBL untuk perkara di atas. Saya sertakan 3 dokumen:

1. Maklumbalas keseluruhan
2. Maklumbalas secara spesifik
3. Dokumen PBL bersama komen

Saya mengucapkan tahniah di atas usaha yang berterusan untuk menjadikan PBL sebagai sebahagian dari proses pembelajaran. Terima kasih

salam,
Norhafizah

Norhafizah Yusoff, PhD
Associate Professor
Department of Communication
School of Multimedia Technology & Communication
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM
Sintok, Kedah
Malaysia
Hp: +60124302009; Tel: +604 9286888; Fax: +604 9286804; Email: norhafizah@uum.edu.my

Malay > English translate message

Turn off for Malay

LAMPIRAN M

KOMEN KESELURUHAN SOALAN-SOALAN PBL

Overall Comments

Congratulations on the team's initiatives! Some interesting scenarios have been crafted here. Good that the writers are able to relate tasks to real life and make the scenarios look authentic. However, I have noted down some general observations below:

1. Most tasks were rather straight forward. The 'scripts' failed to build a case for further exploration. Most scenarios have yet to arouse students' curiosity and interest. The scenarios seem like simple instructions to execute the tasks without having students to figure out (creatively or critically) issues at hand.
2. The deliverables (outcomes/products/tasks etc) were not complete. PBL normally requires a mini presentation at the end of the task where they can articulate their thoughts orally. The expected outcomes/reports/presentations etc must be explained clearly.
3. Lack clarity of the assessment procedures, such as how the reports will be assessed. We must be able to spell out outcome expected clearly with appropriate rubrics. These rubrics can serve as guidelines to promote 'assessment as learning'—to train students to be self-regulated learners who always monitor own learning.
4. We can also provide students with extra reading materials or other artefacts to guide their research.
5. All documents need final language editing. Some re-writing may be required.

No	Documents	Comments
1	Problem Scenario 1 (Matter)	We should build a case that can motivate the students to explore further, rather than presenting a straight forward question. The introduction of the case failed to build the scenario in a problem solving manner. The task seems like simple “introduction” to find a solution.
2	Memorandum : Interview and Microteaching for Chemistry Subject (Atom and Molecules)	Ok
3	Memorandum :Rusty Gate Rusting as a Redox Reaction	Ok
4	Problem Scenario 4: Titanic (Rate of Reaction)	Ok
5	1.1 New Model of Pressure Cooker: Memo (Rate of Reaction)	Any presentation? Such as “candidates must be able to convince potential buyers succinctly of the concepts, process, and advantages of pressure cooker”)
6	Alor Setar City Dentist Practice (Introduction to Organic Chemistry: Acid And Base)	Clarify confusion and advise my patients accordingly
7	Periodic Table	Are they required to do lab work? Is this a lab report?
7	Petronas (Chemical Equilibrium)	Ok
8	Iupac Modern Periodic Table	Seem too general Can students execute this task without a specific issue to be solved?
9	Electroplating of Bronze Medal (Electrochemistry)	Ok
10	Problem Scenario 11	Do they need to submit a report and

	(Thermochemistry)	present?
11	Task for The New Appointed Engineer (Reaction Kinetics)	Ok
12	Problem Scenario 13 (Thermochemistry)	So how will the task be delivered? Is there any report and presentation?
13	Problem Scenario 14 (Electrochemistry)	State clearly how the task will be delivered, such as a report (format?) And short presentation?
13	Problem Scenario 15 (Thermochemistry)	Need to re-organise sequence of events to create impact. Then clearly state how the task should be delivered.
14	1.2 Food Poisoning (Reaction Kinetics)	Ok

** All documents need language editing.

LAMPIRAN N
SAMPEL PROTOKOL SOALAN TEMU BUAL
‘Informed Consent’

Assalamualaikum/ Selamat Pagi/ Tengah hari.

Saya Mohd Shahir Bin Mohamed Sunar, penyelidik daripada Universiti Utara Malaysia. Terima kasih kerana anda memberi masa kepada saya untuk menjalankan sesi temu bual. Saya sedang menjalankan kajian bagi mencari jawapan tentang pencapaian dalam subjek kimia dan pembentukan kemahiran insaniah melalui pembelajaran teradun media sosial.

Penglibatan anda dalam kajian ini adalah sangat penting dan secara sukarela. Anda boleh memberhentikan semasa temu bual atau rakaman audio jika anda tidak hendak menjawab soalan. Temu bual ini dijalankan secara tertutup dan mengambil masa selama 30 hingga 40 minit.

Jika anda bersetuju untuk ditemu bual/ rakaman video, adalah penting untuk anda bersikap jujur dan ikhlas dalam menjawab soalan-soalan tersebut. Maklumat akan digunakan untuk membantu mengembangkan lebih kefahaman terhadap keberkesanan kaedah pembelajaran teradun melalui media sosial.

Jawapan anda adalah sulit dan hanya pengkaji-pengkaji yang boleh membaca maklumat ini. Anda boleh menghubungi saya jika ada pertanyaan.

Adakah anda bersetuju untuk menyertai temu bual dan rakaman suara ini?

Ya/ tidak.

Akuan Penyertaan:

“Saya telah membaca borang persetujuan ini dengan sempurna sebelum saya bersetuju secara sukarela untuk mengambil bahagian menyertai kajian ini”.

Tanda tangan

Nama Peserta

Tarikh

Sampel Soalan Temu bual

Masa Temu bual : _____
Tarikh : _____
Tempat : _____
Penemu bual : _____

Protokol Temu Bual Kumpulan Fokus

Jawab soalan berikut berdasarkan pengalaman anda setelah menjalani kaedah pembelajaran teradun melalui media sosial bagi subjek kimia.

1. Apakah kelebihan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (*PBL*) atau *PBL via Facebook* dan slot perundingan melalui *Facebook* dalam membantu pencapaian subjek kimia anda? Kita mulakan dengan kelebihan *PBL* melalui *Facebook* dahulu.
2. Pada pendapat anda, apakah pula kelebihan slot perundingan kimia melalui *Facebook*?
3. Apakah kelemahan atau keburukan kaedah pembelajaran berasaskan masalah (*PBL*) ini? Kita mulakan dengan kelemahan *PBL* melalui *Facebook* dahulu.
4. Pada pendapat anda, apakah pula kelemahan slot perundingan kimia melalui *Facebook*?
5. Apakah yang dapat anda nyatakan sewaktu menjalani proses pembelajaran teradun (*blended learning*) melalui media sosial *Facebook* bagi subjek kimia?
6. Apakah kemahiran insaniah (*softskills*) yang berjaya dibentuk pada setiap individu pelajar menerusi pembelajaran teradun (*blended learning*) melalui media sosial? Mungkin kita mulakan kemahiran insaniah yang kamu perolehi daripada *PBL via Facebook* dahulu.
7. Pada pendapat anda, apakah kemahiran insaniah (*softskills*) yang berjaya dibentuk hasil daripada aktiviti slot perundingan kimia melalui *Facebook*?
8. Setujukah anda bahawa *Facebook*/media sosial merupakan *platform* yang sesuai untuk bertukar-tukar maklumat bagi subjek atau tugas yang berkaitan.
9. Apakah cadangan atau penambahbaikan untuk kaedah *PBL via Facebook* yang anda rasa dapat dilakukan pada masa hadapan?
10. Apakah pula cadangan atau penambahbaikan slot rundingan kimia melalui *Facebook* yang anda rasa dapat dilakukan pada masa hadapan?

Contoh Kumpulan *Facebook* Pelajar

